



MEMORANDUM
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI SABAH

Rujukan : JPKN 100-4 JLD 3 (19)
Tarikh : 19 Disember 2025

Kepada : Semua Penyelia Anggota Digital Apprenticeship

Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PERMOHONAN CUTI BENCANA BAGI ANGGOTA DIGITAL APPRENTICESHIP (PEKERJA SAMBILAN HARIAN) JABATAN

Dengan hormatnya, perkara dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan cuti bencana adalah dibenarkan kepada semua Pekerja Sambilan Harian (PSH) jabatan bagi yang tidak hadir ke pejabat atas sebab-sebab kecemasan seperti banjir, tanah runtuh, gempa bumi, jambatan runtuh, dan malapetaka-malapetaka lain.

3. Sehubungan dengan itu, berikut adalah garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua Pekerja Sambilan Harian jabatan yang ingin mengemukakan permohonan cuti bencana.

GARIS PANDUAN

- I. Bagi semua Pekerja Sambilan Harian, permohonan penggunaan cuti bencana hanya boleh dibuat jika tidak dapat hadir bekerja ke pejabat atas sebab-sebab kecemasan seperti yang dinyatakan di Perenggan 2.
- II. Permohonan cuti bencana boleh dibuat kepada penyelia masing-masing melalui Sistem Kehadiran Digital Apprenticeship dengan melampirkan notis rasmi bencana atau surat pengesahan bencana yang diperolehi daripada balai polis atau pejabat daerah berdekatan.

Sekian dan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"SABAH MAJU JAYA"

"Profesionalisme Teras Keunggulan"

(ERNYWATI DEWI ABAS)

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri